



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM LAWATAN KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG DAN KDYMM SPB RAJA PERMAISURI AGONG KE TAPAK PAMERAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

TELOK MELANO, SARAWAK – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar AlHaj berkenan bercemar duli berangkat ke tapak pameran Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak di Telok Melano, Sarawak.

Keberangkatan tiba KDYMM SPB Tuanku berdua disambut oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia serta dif-dif kehormat yang lain.

Lawatan ke tapak pameran tersebut adalah sebahagian daripada Program Kembara Kenali Borneo yang bermula dari Tawau, Sabah dan berakhir di Telok Melano, Sarawak. Semasa lawatan tersebut, KDYMM SPB Tuanku berdua turut berkenan mendengar sembah taklimat daripada Menteri Kerja Raya Malaysia berhubung latar belakang dan status semasa pelaksanaan Projek LPB Sarawak yang kini 97% siap.

Sesungguhnya keberangkatan julung kali KDYMM SPB Tuanku berdua menzahirkan keprihatinan Tuanku berdua dalam usaha Kerajaan menambahbaik infrastruktur jaringan jalan raya di Sarawak yang merupakan pemangkin pembangunan sosio-ekonomi dan perindustrian serta menambahbaik keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya khususnya.

Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Pelabuhan Sarawak serta JKR Sarawak menjunjung kasih di atas kesudian KDYMM SPB Tuanku berdua mengunjungi tapak pameran Projek LPB Sarawak di Telok Melano, Sarawak pada hari ini.

Daulat Tuanku!

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur